

Dari ilham Datin Seri Dr Siti Hasmah, lahirlah...

Puspanita satu an tenaga isteri dan negara wanita Perkhidmatan Awam

Laporan ZAINI ZAINUDDIN

SUATU petang dalam bulan Jun, berlangsung Mesyuarat Perhubungan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di rumah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ahi. Selepas bermesyuarat, semua ahli diraikan dalam satu jamuan

teh sambil berbual mesra. Bermula dari perbualan biasa itulah, tiba-tiba Datin Seri Dr Siti Hasmah menyampaikan hasratnya agar ditubuhkan Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita).

Ini, menurutnya, adalah untuk menggabungkan suri-suri kakitangan dan pekerja Perkhidmatan Awam dalam sebuah persatuan yang boleh dikenal rami. Lagi pun, kebanyakan Perkhidmatan Negeri telah ada persatuan masing-masing untuk kepentingan dan kebajikan ahli mereka.

Cadangannya disambut baik oleh semua ahli mesyuarat petang itu setelah menjadi bawahan kaitangan Perkhidmatan Awam masih belum dipersempit. Tetapi, mereka tidak pula memikirkan penubuhannya ketika itu atau hari-hari seterusnya. Seminggu selepas itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah bertanyanya lagi berkenaan cadangannya. Mereka tergamam. Akhirnya, usaha pun dijalankan ke arah melaksanakan ibarat dari buah fikiran murni Datin Seri Dr Siti Hasmah itu.

Oleh itu, pada 1 Mac lalu, Puspanita Pusat pun selamat dirasmikan, di bawah naungan Datin Seri Dr Siti Hasmah. Diikuti kemudiannya dengan perasmian Puspanita Cawangan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri pada 4 Jun.

Pada amnya, matlamat utama Puspanita untuk merapatkan hubungan-muhibbah dan menyatu-padukan isteri-steri dan anggota wanita Perkhidmatan Awam di semua peringkat jawatan ternyata telah berkesan. Mereka berkenan mesra dalam apa sahaja rancangan yang dijalankan kerana hanya ketika itu, mereka sempat bertemu dan berbual.

Kegiatan

Malangnya, menurut Puan Sri Hajah Aishah Mansor, Pengerusi Puspanita Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, masih ramai lagi suri rumah yang belum menyertai Puspanita Cawangan Kementerian itu walaupun sambutan yang diterima di luar dugaan sama sekali.

"Kekurangan golongan suri menyertai persatuan adalah kerana terpaksa menanggung masalah pembantu rumah, sebab pembantu rumah untuk membolehkan mereka meninggalkan anak-anak ketika mereka keluar menyertai sebarang kegiatan persatuan.

"Tetapi, setakat ahli dari kakitangan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri memang menggalakan," jelas Puan Sri Hajah Aishah.

Memandangkan jumlah ahli yang ramai — lebih kurang 800 orang setakat ini dari lapan jabatan termasuk Imigrasi, Perisikan, Pendaftaran Pertubuhan, Penjara, Pendaftaran Negara, Perusahaan Awam, Orang Asli dan Roka (Polis tidak termasuk kerana sudah ada Perkep) — maka ditubuhkan Ahli Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh isteri-pengarah setiap jabatan bagi mengendalikannya secara beranggotakan sebagai projek yang di-

rancangkan oleh pihak Jabatan masing-masing. Hasil mesyuarat agung Puspanita Cawangan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri di hari perasmian dahulu, beberapa projek telah dirancang bagi mengistiharkan kegiatan ahli-ahli. Antara projek yang dirancangkan itu ialah penubuhan taman asuhan kanak-kanak di setiap jabatan bagi mengatasi masalah pembantu rumah yang dihadapi kebanyakan pekerja, terutama agama dan isi semasa, kelas kerjajangan, kelas latihan jasmani dan berbagai kerja kebajikan.

Melawat

Malah, Puspanita Cawangan Kementerian ini juga sedang berancang untuk menubuhkan koperal bagi membantu ahli-ahli yang berpendapatan rendah.

Menurut Puan Sri Hajah Aishah, laman asuhan kanak-kanak akan ditubuhkan seluas-luasnya selepas Hari Raya dan lain-lain kegiatan akan dijalankan secara cepat mungkin.

Sementara itu, sepanjang bulan puasa ini, ceramah agama akan diadakan dari masa ke masa mengikut pertemuan ahli Perkhidmatan Awam. Pusanita Cawangan Kementerian ini juga telah menubuhkan kumpulan keir 20 orang dari berbagai jabatan di Jabatan Kementerian, yang mengadakan lawatan gambar di Bilik Komputer, Jabatan Perdana Menteri dan melawat sebagai belajar ke Jaba-

tan Persekitan Negara oleh seramai 120 orang ahli.

"Sesuai dengan matlamat Puspanita ditubuhkan, iaitu di samping merapatkan hubungan, juga bertukar-tukar fikiran dan menambatkan pengetahuan mengenai jawatan semasa, maka adalah dirasakan segala kegiatan yang dirancangkan itu mencapai matlamatnya," kata Puan Sri Hajah Aishah, bekas guru sekolah rendah.

Puan Sri Hajah Aishah yang berkelulusan Maktab Perguruan Pulau Pinang itu mula mengajar sejak tahun 1959. Setelah lima tahun mengajar, pada tahun 1970 kemudiannya, dia terpaksa berhenti oleh sebab-sebab kesihatan yang teramat menganggu tuganya.

"Mengajar bukanlah tugas ringan dan boleh dibuat sambil lewa sahaja. Tugas menyampaikan ilmu pengetahuan terutama kepada kanak-kanak perlu ditubuhkan bersungguh-sungguh.

Cergas

"Bagi saya, kalau hendak buat kerja, biar betul-betul. Jangan main-main. Sebab itu, saya sedikit pun tidak merasa tertakutkan bila terpaksa berhenti walaupun pada mulanya teras juga ke-sunyiannya," cerita Puan Sri Hajah Aishah yang menubuhkan masa luang-pangannya dengan membaca dan mengemas rumah.

"Kebetulan sewaktu saya berhenti mengajar, anak-anak masih kecil lagi. Jadi, tidaklah teras ada bosan sebab sebahagian besar dari masa saya banyak dibelakkan dalam urusan menjaga anak-anak," tambahnya. Beliau mempunyai tiga orang anak — dua lelaki



■ Puan Sri Hajah Aishah Mansor — Pengerusi Puspanita Cawangan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri.

tiga anaknya sekarang ini sedang menuntut di luar negeri.

"Mujur Puspanita ditubuhkan dan saya menjadi Pengerusi. Sekurangnya, kos-biaya mengendalikannya persatuan dapat juga mengahilkan rasa tinda pada anak-anak," jelasnya.

Sungguhpun ketelagaa anaknya tiada di sisi dan ini bererti, beliau mempunyai banyak masa untuk kegiatan sukarela, namun Puan Sri Hajah Aishah berpendapat bahawa menyertai satu persatuan sudah memadai.

Katanya "Tidak dinafikan, di negara ini terdapat banyak persatuan wanita. Pada amnya, memang baik tetapi tidak pula bermakna kita perlu menyertai kesemua persatuan yang sedia ada. Kalau setakat menjadi ahli tetapi tidak bergiat cergas tidak gunanya.

"Yang penting ialah penyertaan aktif untuk sanggup bertungkus-lumus dan berganding bahu menjabarkan sebarang persatuan itu. Lagi-pun, saya fikir dan boleh diandaikan bahawa kesemua persatuan wanita di negara ini mempunyai matlamat yang sama."

Dalam hidupnya, Puan Sri Hajah Aishah memang paderi yang "sambil-selalu" kerana baginya "Kalau kita sihat, semua kerja boleh dilakukan dengan sempurna".

Oleh itu, Puan Sri Hajah Aishah berhasrat lebih ramai lagi suri dan anggota Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri menjadai ahli agar dengan ini dapat memperkembangkan persatuan pada ahli-ahli yang lain.

"Saya juga berharap Puspanita Cawangan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri akan terus bergiat cergas melaksanakan kegiatannya. Saya paling tidak mahu melihat peratutan ini kelak hanya cergas di awal perubuhan tetapi 'sunyi sepi' pada akhirnya nanti.

Lambang

"Jangan sekali-kali dibiarakan persatuan ini tidak segenap mahu tak mahu. Kita perlu lakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh. Biarlah kejayaan yang dicapai pada hari ini berterusan," ujar Puan Sri Hajah Aishah penuh harapan.

Puspanita berhubung di bawah logo yang mempunyai lambang tersendiri ialah:

● Dalam bintang 14 perunggu melambangkan ahli-ahli Puspanita di semua negeri di Malaysia dapat menyatu-padukan tenaga dalam persatuan.

● Buku melambangkan pengetahuan dan pengalaman dengan cara bertukar-tukar pandangan dan pendapat melalui forum ceramah dan kerjajangan.

● Raya melambangkan lambang kebajikan.

● P dan G melambangkan kewantanan. ● Bunga padi melambangkan keteguhan semua ahli dari semua negeri di Malaysia. ● Warna ungu melambangkan kedulatan dan keteguhan sementara. ● Suman emas di dada baju melambangkan pemilik harta, kemudahan dan keputusan ahli.